

# Bebas Campur Tangan Pengaruh Luar

Adalah dimaklumkan bahawa pada 8 Mac 2010, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengeluarkan satu **Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan** yang bertujuan menerangkan kepada penjawat awam mengenai tindakan ke atas sokongan yang diterima daripada pemimpin Kerajaan, individu berpengaruh atau mana-mana orang mengenai sesuatu urusan Kerajaan.

Sehubungan itu, warga MATRADE dimohon mengambil tindakan sewajarnya dengan mengikut garis panduan dan peraturan semasa sekiranya terdapat **SURAT SOKONGAN** yang diterima selaras dengan inisiatif Pelan Anti Rasuah MATRADE (OACP) di bawah bidang keutamaan Tadbir Urus iaitu "**Menangani Campur Tangan Ahli Politik Dan Individu Berpengaruh Dalam Pentadbiran Organisasi**".

Perlu diingatkan bahawa amalan surat sokongan ini boleh menjurus kepada **PENYALAHGUNAAN KUASA** yang boleh menjejaskan imej dan integriti penjawat awam.

## BEBAS **CAMPUR TANGAN** PENGARUH LUAR



"Penjawat awam tidak boleh menjadikan surat sokongan daripada ahli politik atau individu berpengaruh sebagai arahan untuk meluluskan sesuatu permohonan. Setiap keputusan yang dibuat perlu mematuhi peraturan dan garis panduan semasa".

(PERATURAN 3(2)(H) - AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB & SURCAJ) 2000 [AKTA 605])

*"Seseorang pegawai tidak boleh:*

*Membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun"*